

D548

R B916 BAH
FATWA

1984

LANGKAWI, 21 NOV. (BERNAMA) -- MAJLIS RAJA-RAJA AKAN BERSIDANG PADA 3 DIS. INI UNTUK MEMBINCANGKAN FATWA MENGENAI TUDUHAN PAS BAHAWA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO ITU KAFIR.

PERDANA MENTERI, DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENGUMUMKAN DEMIKIAN DI MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIM-PEMIMPIM UMNO DI SINI MALAM INI.

KATANYA, MAJLIS FATWA AGAMA ISLAM MALAYSIA TELAH DIMINTA MENGGAJI TUDUHAN ITU UNTUK DIBINCANGKAN DALAM PERSIDANGAN MAJLIS RAJA-RAJA AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI BERKATA, EELIAU SENDIRI SELAKU KETUA KERAJAAN DAN PRESIDEN UMNO AKAN MENGUMUMKAN KEPUTUSAN MAJLIS RAJA-RAJA MENGENAI FATWA ITU.

KATANYA, UMNO MENERIMA KEPUTUSAN MAJLIS RAJA-RAJA MEMBATALKAN PERDEBATAN UMNO-PAS MENGENAI ISU KAFIR-MENGGKAFIR KERANA UMNO MENJUNJUNG TINGGI PERLEMBAGAAN NEGARA DIMANA SOAL AGAMA ADALAH DI BAWAH BIDANG KUASA RAJA-RAJA. -- LAGI.
2359MST 21 11 84

D549

R B917 BAH
FATWA 2 LANGKAWI

DATUK SRI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYERU PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN ANGGOTA-ANGGOTA UMNO SUPAYA MEMBERI PENERANGAN KEPADA RAKYAT BAHAWA PERJUANGAN UMNO TIDAK BERLAWANAN DENGAN AJARAN ISLAM.

RAKYAT PERLU DIBERI PENJELASAN KERANA TIMBULNYA KEKELIRUAN SEKARANG BERIKUTAN DAKYAH YANG DISEBARKAN OLEH PAS.

PERDANA MENTERI MENGULANGI BAHAWA PAS MEMBUAT DAKYAH MEMBURUKKAN UMNO SEMATA-MATA HENDAKKAN SOKONGAN RAKYAT UNTUK MENDAPATKAN KUASA POLITIK DI NEGARA INI.

+ PAS SEBENARNYA BUKAN BERJWANG UNTUK ISLAM TETAPI UNTUK KEPENTINGAN PEMIMPIN MEREKA SENDIRI, + TEGASNYA.

-- BEITAI MERAMAI KAN PAS AKAN BERPECAH DI SATU HARI NANTI. --